

24 SEP 1999

Ling-Bas

PENGUSAHA BAS SEKOLAH KINI BOLEH GUNA VAN 18 PENUMPANG

KOTA BAHARU, 24 Sept (Bernama) -- Pengusaha bas sekolah yang menggunakan van 12 penumpang untuk mengangkut pelajar kini boleh mengubahsuainya untuk membawa 18 orang pelajar, kata Menteri Pengangkutan Datuk Seri Dr Ling Leong Sik hari ini.

Dr Ling berkata, kebenaran untuk berbuat demikian berkuatkuasa serta-merta tetapi pengubahsuaian itu perlu dibuat mengikut panduan yang ditetapkan oleh Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ).

"Kementerian Pengangkutan dan Jabatan Teknikal JPJ telah mengkaji secara keseluruhan penambahan jumlah muatan penumpang dan mendapati ianya selamat," katanya kepada pemberita selepas merasmikan Pusat Perkhidmatan MCA bahagian Pengkalan Chepa di sini, hari ini.

Dr Ling berkata kebenaran yang diberikan kepada pengusaha bas sekolah di seluruh negara itu berikutan permohonan daripada Persatuan Bas Sekolah Kota Baharu yang dipengerusikan Lim Siew San.

Beliau berharap dengan kelulusan permohonan itu ianya akan membawa faedah kepada pelajar dan pengusaha bas sekolah.

Sementara itu, Dr Ling yang juga Presiden MCA yakin masyarakat Cina di negara ini tidak mudah terpedaya dengan taktik pakatan parti-parti pembangkang yang berusaha meraih sokongan pada pilihan raya umum akan datang.

Beliau berkata, rakyat dapat membezakan dengan jelas ketokohan dan kecemerlangan pemimpin-pemimpin Barisan Nasional (BN) yang diterjui Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dengan pemimpin parti-parti pembangkang.

Pemimpin BN khususnya Perdana Menteri telah terbukti berjaya membawa kemajuan dan pembaharuan dalam negara yang bukan sahaja disanjung oleh rakyat malah masyarakat antarabangsa, katanya.

Beliau berkata, berbanding dengan pemimpin parti-parti pembangkang seperti PAS yang hanya tahu menghalang kemajuan seperti melarang wanita cantik daripada bekerja dan wanita tidak diberi peluang menjadi calon pilihan raya.

"PAS telah menuduh Umno sebagai parti kafir oleh kerana Umno bekerjasama dengan MCA, MIC dan lain-lain parti tetapi dia (PAS) telah putar belit dengan kini mereka bekerjasama dengan DAP yang bukan parti Islam," katanya rakyat akan menolak parti "putar belit" itu.

Sehubungan itu, Dr Ling mengesa rakyat di negara ini memberi sokongan kepada Barisan Nasional (BN) pada pilihan raya umum akan datang supaya segala perancangan untuk membangunkan rakyat dan negara dapat diteruskan.

-- BERNAMA

BD PR